

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 6 TAHUN 2017

**PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 8 ORDINAN PERWAKILAN
KUASA 1956 KEPADA PENGARAH TANAH DAN GALIAN BAGI MELANJUTKAN
TEMPOH KELULUSAN KEBENARAN PINDAHMILIK DI BAWAH SEKSYEN 13A
ENAKMEN REZAB MELAYU 1930, SEKSYEN 104 ENAKMEN TANAH
KELANTAN 1938, SEKSYEN 120 DAN SEKSYEN 214A KANUN TANAH
NEGARA 1965**


Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan mengenai penurunan kuasa bagi melanjutkan tempoh kelulusan kebenaran pindahmilik di bawah Seksyen 13A Enakmen Rezab Melayu 1930, Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938, Seksyen 120 dan Seksyen 214A Kanun Tanah Negara 1965.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang kali ke 07/2017 pada 29 Mac 2017 melalui kertas MMK bilangan 07/2017/D5 (123) telah bersetuju memperturunkan kuasa di bawah Seksyen 8 Akta Perwakilan Kuasa 1956 kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan bagi tujuan melanjutkan tempoh kelulusan kebenaran pindahmilik di bawah Seksyen 13A Enakmen Rezab Melayu 1930, Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938, Seksyen 120 dan Seksyen 214A Kanun Tanah Negara 1965.

3. Penurunan kuasa ini dilaksanakan bagi mengatasi masalah pelanggan yang memerlukan tempoh masa yang lebih panjang untuk mendaftarkan sijil kebenaran tersebut. Tempoh pelanjutan adalah tertakluk dengan syarat sebagaimana berikut:

- 3.1 Pelanjutan tempoh hendaklah tidak melebihi dari 1 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah.

- 3.2 Pelanjutan tempoh tertakluk kepada kadar bayaran dan kaedah pelanjutan yang telah ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 iaitu pelanjutan tempoh bulan pertama selepas tempoh 4 bulan dari tarikh sijil dikeluarkan adalah RM300.00 dan pelanjutan bulan kedua adalah RM600.00. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan (PTG) diberi kuasa untuk melanjutkan tempoh seterusnya dengan bayaran RM100.00 bagi setiap bulan atau sebahagiannya untuk tempoh tidak melebihi 1 tahun dari tarikh sijil dikeluarkan.
- 3.3 Kelulusan tamat atau luput tempoh secara mutlak dalam tempoh satu tahun dari tarikh sijil dikeluarkan dan tidak boleh dilanjutkan lagi oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan (PTG).
- 3.4 Jika pemohon berhasrat untuk meneruskan pindahmilik berkenaan, permohonan kelulusan baru hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana permohonan baru.
4. Dasar ini juga terpakai kepada sijil atau kelulusan di bawah Seksyen 433B Kanun Tanah Negara 1965.
5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta. Pekeliling PTG bilangan 14/2015 dengan ini dibatalkan.



DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD D.P.S.K. KELANTAN
~~PENGARAH TANAH DAN GALIAN~~
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian
Negeri Kelantan
Blok 3, Kompleks Kota Darulnaim
15576 Kota Bharu
Kelantan.

Fail Kertas : PTG.KN.S.13/75 JLD.4
Bertarikh : 18 Syaaban 1438H
15 Mei 2017